

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6854

SOALAN:

DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah terdapat perancangan untuk membina bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Wangsa Maju di dalam kawasan Wangsa Maju.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pembinaan bangunan IPD Wangsa Maju masih diperingkat kajian PDRM dan tapak kekal masih belum dikenalpasti. IPD Wangsa Maju telah beroperasi pada 1 April 2014 di Balai Polis Pudu dengan 87.3 km persegi keluasan pentadbiran dan melibatkan satu (1) juta penduduk.